

SEKOLAH KURANG MURID: SAIZ SEKOLAH PENENTU KEBERKESANAN SEKOLAH?

Marzita Abu Bakar Ph.D
Institut Aminuddin Baki

ABSTRAK

Sekolah-sekolah bersaiz kecil adalah sekolah kurang murid (SKM) dengan bilangan murid kurang daripada 150 orang. Saiz sekolah yang kecil ini pula biasa dilihat sebagai memberi kesan langsung terhadap mutu pendidikan di sekolah berkenaan. Terdapat juga banyak penyelidikan dalam pendidikan yang turut mengaitkan saiz sekolah yang kecil ini dengan tahap pencapaian dan keberkesanan kos. Artikel ini membincangkan sama ada sekolah kecil adalah lebih berkesan daripada sekolah besar dalam aspek pencapaian murid, sahsiah dan tingkah laku murid, penyertaan murid dalam kokurikulum, penglibatan ibu bapa dan keberkesanan kos. Didapati bahawa saiz sekolah bukanlah penentu kepada pencapaian, kecekapan dan keberkesanan sekolah. Faktor pengurusan kepimpinan pendidikan didapati lebih penting dalam menentukan perkara-perkara tersebut. Terdapat saiz sekolah yang kecil adalah lebih diperlukan dan lebih sesuai berbanding dengan saiz sekolah yang besar terutamanya di kawasan-kawasan berkepadatan tinggi.

PENDAHULUAN

Di Malaysia, sekolah yang bersaiz kecil merujuk kepada sekolah kurang murid (SKM) iaitu bilangan murid kurang daripada 150 orang. Kebanyakan sekolah ini adalah sekolah luar bandar yang terletak di kawasan pedalaman seperti sekolah orang asli dan sekolah Penan di Sarawak. Di Amerika Syarikat pula, sekolah bersaiz kecil dirujuk kepada sekolah dengan bilangan murid yang kurang daripada 300 orang. Hampir 51 peratus daripada jumlah keseluruhan sekolah di negara itu adalah sekolah bersaiz kecil dan terletak di kawasan luar bandar dan pekan kecil. Sekolah-sekolah ini memberikan pendidikan kepada 40 peratus daripada keseluruhan bilangan murid di negara tersebut (McKenzie, 1983). Kewujudan sekolah bersaiz kecil ini sangat diperlukan terutamanya untuk menyempurnakan tuntutan dan tanggungjawab sosial kerajaan yang perlu memastikan bahawa setiap individu mendapat pendidikan percuma tanpa mengira perbezaan taraf ekonomi, sosial, politik dan kaum. Keperluan tinggi ini juga timbul daripada 'gerakan' di peringkat antarabangsa seperti *Education For All* (EFA) dan *No Child Left Behind* (NCLB) yang sangat penting untuk dihayati secara lebih bermakna di negara ini. Ini adalah sangat penting untuk memastikan setiap individu menikmati hak yang sempurna untuk mendapatkan pendidikan asas (Kathri, 1997).


Umumnya, saiz sekolah sering dikaitkan dengan kualiti prasarana dan pencapaian akademiknya (Stevenson, 2006). Menurut Cotton (1996), lebih besar saiz sesebuah sekolah maka pencapaian akademik sekolah tersebut menjadi lebih baik manakala kurikulum akademiknya turut menjadi lebih tersusun dan lebih komprehensif. Selain itu, sekolah yang lebih besar juga didapati lebih kos efektif kerana dapat mengurangkan kos seunit murid (Cotton, 1996; Connant, 1959; Howley, 1997; Kennedy, 2003; Stevenson, 2006).

Namun begitu, kewujudan sekolah-sekolah ini telah menimbulkan pelbagai isu, terutama kurangnya kemudahan infrastruktur, tenaga pengajar yang mahir, pemantauan pengurusan pendidikan peringkat daerah dan pusat selain kurangnya pembiayaan dan dana kewangan. Punca keadaan ini berkait rapat dengan pertimbangan- kerajaan berhubung dengan keberkesanan kos dan keberkesanan faedah bagi sesuatu projek pendidikan. Setiap projek pendidikan sering

dihubungkan dengan kos pendidikan dan faedah yang diperolehi, terutamanya pencapaian murid. Hal ini sangat perlu dilakukan bagi memenuhi tuntutan *stakeholders*. Selain itu, kerajaan juga perlu mengambil kira tuntutan-tuntutan keperluan sosial selain pendidikan yang seringkali lebih mendesak dan lebih perlu untuk diberikan lebih keutamaan. Isu-isu ini timbul apabila wujudnya ketidakseimbangan antara tuntutan awam dengan polisi serta dasar negara (Katthri, 1997).

Pendidikan adalah satu bentuk pelaburan (Odden, 1992; Shahril, 2005). Walau bagaimanapun, *outcomes* pendidikan adalah sangat sukar untuk diukur secara empirikal dan impak pelaburan dalam pendidikan ini hanya mungkin dapat dilihat dalam satu tempoh jangka masa yang lebih panjang secara relatif (Massy, 1990; Marzita, 2010). Umpamanya pulangan kepada pelaburan pendidikan dapat diukur berdasarkan peningkatan taraf hidup masyarakat. Kesukaran untuk mengukur pulangan kepada pelaburan pendidikan ini menimbulkan polemik kerana saban tahun terdapat keperluan untuk memberi peruntukan antara yang tertinggi dalam bajet kerajaan kepada pendidikan. Pada masa yang sama terdapat “kekaburan” terhadap pulangan kepada peruntukan besar tersebut. Sorenson (2005) mengulas isu ini dengan mengatakan “*spending again and again, but no different*”.

Akhir-akhir ini pendekatan penilaian faedah pendidikan tidak lagi berfokus semata-mata kepada hasil pelaburan dalam bentuk mata wang. Penilaian kepada hasil pelaburan dalam pendidikan turut mengambil kira pembinaan nilai, moral, sikap, dan pencapaian kurikulum murid (Monk, 1993; Plecki, 1991; Turner *et al.*, 1986). Menurut Latip (2010), keberkesanan sekolah boleh diukur melalui pemantauan pencapaian program dengan membandingkan status sebenar dengan hasil yang dijangkakan. Ini bermakna, penentuan impak adalah merupakan perbezaan hasil sebelum dan selepas sesuatu program pendidikan tersebut seperti yang dapat ditunjukkan contoh di bawah ini.



Isu-isu pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan pelaburan pendidikan di sekolah bersaiz kecil merupakan isu-isu “universal” yang “tidak mungkin dapat diselesaikan” dalam jangka masa pendek (Monk et al., 1993). Menurut Plecki (1991) dan Walberg & Fowler (1987), pelaburan pendidikan di sekolah-sekolah bersaiz kecil ini adalah lebih efektif jika dibandingkan dengan pelaburan pendidikan di sekolah bersaiz besar. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan sama ada saiz sekolah adalah penentu kepada keberkesanan sekolah.

PERBINCANGAN

Menurut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, antara tiga faktor penyumbang keciciran masyarakat Orang Asli dalam pendidikan adalah lokasi sekolah yang dekat dengan penempatan, sekolah terlalu jauh dan dedikasi guru-guru (PSOA, 2011). Oleh yang demikian, sekolah-sekolah bersaiz kecil akan menjadi lebih perkasa sekiranya kekurangan dan halangan yang ada dapat direka bentuk semula untuk menjadi kekuatan dan peluang. Antara isu yang berkait rapat dengan sekolah bersaiz kecil adalah pencapaian akademik yang rendah, masalah tingkah laku dan sahsiah murid, penyertaan murid dalam kokurikulum yang terhad, penglibatan dan perhatian ibu bapa yang kurang dan kos yang tinggi berbanding dengan faedah.

i) Pencapaian Akademik Sekolah-Sekolah Kecil Yang Lebih Baik

Selepas membuat sorotan dan kajian meluas serta mendalam berkaitan dengan saiz sekolah, Cotton (1996, 2001) merumuskan bahawa sekolah bersaiz kecil dapat menghasilkan pencapaian akademik dan iklim sekolah yang lebih baik berbanding dengan sekolah bersaiz besar. Menurutnya lagi, prestasi akademik murid sekolah kecil adalah lebih tinggi atau sama dengan pencapaian akademik murid sekolah besar. Guru dapat memberi perhatian penuh kepada murid dan dapat memberikan pengajaran dan pembelajaran secara langsung dan secara lebih berkesan (Cushman, 1999).

Saiz sekolah yang kecil juga memudahkan guru-guru untuk melaksanakan pengajaran secara *hands on* yang mempunyai kesan lebih bermakna kepada murid. Setiap murid pula menyumbang kepada peratusan pencapaian murid yang lebih besar. Perkara ini tidak berlaku di sekolah bersaiz besar (Cushman, 1999). Justeru, sedikit penambahbaikan dalam perhatian dan keprihatinan guru kepada murid akan memberikan lonjakan yang lebih besar kepada pencapaian akademik murid di sekolah-sekolah bersaiz kecil. Di Chicago, pihak kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan mengekalkan sekolah bersaiz kecil sebagai strategi utama untuk meningkatkan kehadiran murid ke sekolah, mengurangkan *drop-outs*, penyertaan murid dalam kokurikulum, penglibatan ibu bapa dan menangani masalah disiplin murid (Cotton, 2003; Slate, 2002).

Walau bagaimanapun pandangan di atas adalah lebih bersifat andaian yang kurang realistik. Kajian jangka panjang oleh Lee dan Smith (1999) melibatkan seramai 10,000 orang murid tentang hubung kait saiz sekolah dengan pencapaian murid mendapati bahawa pencapaian murid yang terbaik adalah di sekolah bersaiz sederhana iaitu sekolah yang mempunyai bilangan murid antara 600- 900 orang. Kajian oleh Lamdin (1995) terhadap 91 peratus daripada sekolah-sekolah di Baltimore pula mendapati bahawa terdapat hubungan antara tahap ekonomi dan sosial murid dengan pencapaian murid. Howley (2001) pula menegaskan, status ekonomi dan status sosial murid dapat dijadikan petunjuk kepada pencapaian murid. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Hoagland (1995) di California yang mendapati bahawa terdapat hubungan antara latar belakang murid dengan pencapaian akademik. Walaupun terdapat pelbagai faktor yang dapat

dihubung kait dengan pencapaian akademik murid, Lamdin (1995), Hoagland (1997) dan Howley (2001) bersependapat bahawa saiz sekolah tidak mempunyai kolerasi dengan pencapaian murid.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa saiz sekolah bukan penentu kepada pencapaian akademik murid. Pencapaian akademik murid adalah lebih berkait rapat dengan kepada teknik pengajaran dan pembelajaran serta kecekapan dan keberkesanan pengurusan sekolah (Davies, 2011; Fullan, 2008).

ii) Kelakuan Dan Saksiah Murid Yang Lebih Baik

Bilangan murid yang lebih kecil dapat memudahkan pentadbir dan guru di sekolah bersaiz kecil untuk membuat pemantauan terhadap tingkah laku dan sikap setiap murid dengan lebih berkesan. Guru akan lebih mudah untuk mendekati setiap individu murid berbanding dengan sekolah yang guru di sekolah bersaiz besar. Di sekolah bersaiz kecil juga, setiap murid dapat lebih dikenali dan berasa lebih dihargai. Sekolah-sekolah kecil juga mempunyai keanjalan yang lebih baik untuk membuat tindak balas yang lebih sesuai dan lebih serasi dengan pencapaian murid. Menurut Blum *et al.* (2002), di sekolah kecil guru dan pentadbir sekolah mudah untuk membuat pemantauan individu dan keadaan ini tidak mungkin berlaku dalam sekolah bersaiz besar.

Hal ini dibuktikan oleh kajian Pengajian Pendidikan Amerika Syarikat (1999) yang mendapati bahawa kadar tingkah laku ganas murid sekolah-sekolah yang mempunyai lebih daripada 1,000 orang murid jauh lebih tinggi berbanding dengan sekolah yang mempunyai murid kurang daripada 300 orang (Cotton, 2001). Selain itu, kemungkinan guru dan pelajar di sekolah-sekolah kecil untuk menjadi mangsa jenayah adalah jauh lebih rendah. Pada masa yang sama di sekolah-sekolah bersaiz kecil, guru dapat memberikan lebih fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Hal ini berbeza daripada sekolah bersaiz besar. Fokus guru berpusat kepada masalah tingkah laku murid. Menurut Cotton (1996), kadar ponteng murid sekolah dapat dikurangkan dengan menghantarnya belajar di sekolah yang lebih kecil.

iii) Penyertaan Murid Dalam Kokurikulum Lebih Menyeluruh

Kadar penglibatan dan penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum di sekolah bersaiz kecil adalah lebih tinggi berbanding dengan sekolah mempunyai bilangan murid yang ramai. Penglibatan dan penyertaan murid yang tinggi dalam aktiviti-aktiviti di sekolah memungkinkan murid-murid hadir ke sekolah dengan lebih kerap dan mengurangkan kadar keciciran serta meningkatkan harga diri murid sekali gus mengurangkan masalah tingkah laku. Sebagai contoh, jika 15 murid yang diperlukan menganggotai untuk satu pasukan seperti drama dan kelab sukan, peluang untuk menyertai pasukan tersebut bagi setiap individu murid adalah lebih tinggi bagi murid di sekolah dengan bilangan murid seramai 100 orang berbanding dengan murid di sekolah dengan bilangan murid seramai 1,000 orang.

Pandangan ini dipersetujui oleh Raywid (1997), yang menyatakan bahawa sekolah bersaiz kecil memberikan lebih banyak peluang kepada murid untuk terlibat dalam kegiatan kokurikulum dan kurikulum. Begitu juga Stevenson (2006) dan Cotton (1996), menyatakan bahawa murid di sekolah kecil mempunyai peluang yang lebih besar dalam aktiviti sekolah dan lebih berpuas hati dengan penglibatan mereka.

iv) Kadar Penglibatan Ibu Bapa Adalah Lebih Tinggi

Secara umum, sekolah kecil biasanya terletak di kawasan pedalaman yang terpencil. Penduduk kawasan tersebut pula terdiri daripada kelompok suku atau kaum yang sama. Malah, kebanyakan murid dan guru mempunyai hubungan persaudaraan sesama mereka sama ada melalui kekeluargaan ataupun perkahwinan. Sekolah tersebut pula berkemungkinan adalah sekolah tunggal dalam persekitaran tempat tinggal mereka. Sekolah dapat berfungsi sebagai faktor penyatuan yang berpengaruh besar kepada persekitaran lingkungan.

Justeru, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di sekolah-sekolah begini adalah lebih tinggi berbanding dengan penglibatan ibu bapa di sekolah-sekolah besar. Menurut Cotton (1996), ibu bapa lebih dihargai dalam sekolah yang lebih kecil berbanding dengan sekolah besar yang mempunyai birokrasi. Manakala menurut Stevenson (2006),

kehadiran dan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah banyak menyumbang kepada pencapaian akademik murid.

Selain itu, latar belakang keluarga murid sekolah kurang murid (SKM) adalah berpendapatan rendah. Hal ini mendorong ibu bapa lebih meletakkan harapan dan kepercayaan besar kepada guru-guru di sekolah. Kepercayaan ibu bapa terhadap guru di sekolah-sekolah bersaiz kecil ini adalah lebih besar berbanding dengan kepercayaan ibu bapa terhadap guru di sekolah-sekolah bersaiz besar di bandar (McRobbie, 2001). Peluang ini boleh dan perlu diambil oleh guru sekolah SKM dalam memberi pendidikan yang lebih baik dan perhatian yang sepenuhnya.

v) Keberkesanan kos

Dari perspektif ekonomi, sekolah-sekolah bersaiz kecil adalah lebih berkesan berbanding kos. Bangunan di sekolah-sekolah bersaiz kecil dibina berdasarkan bilangan murid yang ada dan terhad sekadar dapat menyempurnakan keperluan yang asas. Terdapat juga kelas-kelas dengan murid berbeza tahap (darjah dan tingkatan) yang dicantumkan disebabkan bilangan murid yang sedikit. Percantuman kelas ini dilakukan untuk menjimatkan tenaga pengajar. Hal ini menunjukkan penjimatan kos berlaku di sekolah-sekolah bersaiz kecil yang tidak mungkin dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah yang besar.

Selain itu, berlaku juga penjimatan kos-kos tak nampak yang wujud di sekolah-sekolah bersaiz kecil seperti kos keciciran, kos disiplin, kos pengangkutan dan lain-lain lagi (Krueger et al., 2001). Kajian Howley (2001) bahawa sekolah-sekolah kecil adalah lebih kos efektif berbanding dengan sekolah-sekolah yang besar apabila mengambil kira dengan bilangan murid yang mengalami keciciran dan bilangan murid yang telah menamatkan persekolahan mereka lebih awal. Penjimatan dalam kos pengangkutan pula berlaku kerana sekolah terletak di dalam kawasan penempatan. Kos masalah disiplin pula diserapkan ke dalam kos dan tanggungjawab komuniti (Cotton, 1994).

Selain itu, sekolah-sekolah kecil juga mendapat perhatian penyumbang-penyumbang dana seperti ahli politik kawasan, syarikat dan ahli korporat untuk memenuhi tuntutan sosial mereka. Sumbangan dana kewangan ini juga dianggap sebagai pendapatan sekolah dan perlu ditolak daripada kos-kos yang terlibat dan kos-kos yang sepatutnya ditanggung oleh sekolah (Casserly et al., 1998; McGuffery *et al.*, 1978). Oleh yang demikian, sekiranya keberkesanan dan faedah yang diperoleh berbanding dengan kos-kos yang terlibat, sekolah-sekolah bersaiz kecil adalah mempunyai nilai yang lebih tinggi berbanding sekolah-sekolah yang bersaiz besar.

KESIMPULAN

Walaupun keberkesanan sesebuah sekolah sering dikaitkan dengan saiz sekolah, namun begitu dapat disimpulkan bahawa saiz sekolah bukanlah penentu kepada keberkesanan sesebuah sekolah. Keberkesanan sesebuah sekolah adalah lebih berkait rapat dengan kecekapan dan keberkesanan kepimpinan dan pengurusan sekolah berkenaan. Jika salah urus kerap berlaku, keberkesanan sekolah-sekolah bersaiz kecil akan terancam terutamanya apabila dipaksa untuk akur dengan kepimpinan dan pengurusan di sekolah-sekolah yang bersaiz besar. Pengasingan murid mengikut pendapatan, bangsa atau latar belakang sosial yang berlaku di sekolah telah menafikan peluang pendidikan yang penting, menjejaskan hak perlembagaan, dan mengurangkan keadilan sosial individu murid yang terlibat (McRobbie, 2001).

Sekiranya sekolah dipantau secara lebih berkesan, diberi penekanan dan dibiayai, sekolah-sekolah bersaiz kecil akan dapat memberi impak nyata kepada pelaburan dalam pendidikan. Menurut Latip (2010) dan Merwin (1992), keberkesanan sekolah boleh dilihat berdasarkan peningkatan pencapaian sebelum dan selepas program dilaksanakan. Walaupun terdapat amalan memecahkan sekolah-sekolah bersaiz besar menjadi sekolah bersaiz kecil dengan tujuan untuk meningkatkan pencapaian murid, saiz sekolah sebenarnya bukanlah penentu kepada pencapaian murid. Masih terdapat banyak faktor relatif yang memberi pengaruh terutamanya pengurusan sekolah yang cekap dan berkesan. Pandangan ini disokong oleh Bush (2005), dalam menjadikan sekolah mampu beroperasi dengan lebih berkesan adalah kerana kecemerlangan dalam pengurusan

sumber manusia. Menurut Hersey dan Blanchard (2007), pemimpin sekolah haruslah mempunyai kemahiran menggunakan kemahiran *situational leadership approach* dalam keadaan berbeza sesuai dengan situasi-situasi yang berbeza. Selain itu pemimpin sekolah harus mampu untuk membuat transformasi *mind set* dalam kalangan guru dan murid tentang kebolehan mereka untuk memajukan sekolah bersama-sama ke arah yang lebih berkesan, cemerlang dan gemilang.

RUJUKAN

- Blum, R. W. (2002). The Untapped power of schools to improve the health of teens. University Minnesota
- Bush, T., & David Middlewood. (2005). *Leading and managing people in education*. London: Sage Publications Limited.
- Casserly, M., Williams, A., & Lewis, S. (1998). Adequate State financing of urban schools : Part I: An analysis of funding to the Philadelphia public schools. *Council of the Great City Schools*
- Connant, J. B. (1959). The child, the parent and the state. *Cambridge University*.
- Cotton, K. (1996). Affective and Social Benefits of Small-Scale Schooling. *ERIC Clearninghouse on Rural Education and Small Schools*.
- Cotton, K. (2001). New Small Learning Communities: Findings from recent literature. *Northwest Regional Educational Laboratory*.
- Cotton, K. (2003). Small schools get results. *Chicago Public Schools: eOTS System*
- Cushman, K. (1999). How small schools increase student learning (and what large schools can do about it). *NAESP- Principal Magazine*
- Davies, B. (2011). *The essentials of school leadership* (2 ed.). London: Sage Publications Limited.
- Fullan, M. (2008). *What's worth fighting for in the principalship* New york: Teachers College, Columbia University.
- Hersey, P., Blanchard, K.H. & Johnson, D.E. (2007). Management of organization behavior, leading human resources. Prentice Hall.
- Hoagland, J. P. (1995). The effect of high school size on student achivement as measured by California Assesment Program.
- Howley, C. (1994). The academic effectiveness of small-scale schooling : An update. *ERIC Clearninghouse on Rural Education and Small Schools*.
- Howley, C. (2001). Research on smaller schools: What education leaders need to know to make better decisions. *Educational Research Service*.
- Johnson, J. D., Howley, C. B., & Howley, A. A. (2002). Size, excellence, and equity: A report on Arkansas schools and districts. *ERIC Document Reproduction Service (forthcoming)*.
- Kennedy, M. (2003). History in the making: American School and University. *ERIC Clearninghouse on Rural Education and Small Schools*., 75, 1-10.
- Katthri, N., Riley, K. W., & Kane, M. B. (1997). Students at risk in poor, rural areas: A review of the research. *Journal of Research in Rural Education*, 13(2), 79-100.
- Krueger, A. B., & Whitmore, D. M. (2001). The effect of attending a small class in the early grades on college-project STAR. *Education Week Spotlight*.

- Lamdin, D. J. (1995). Testing for the effect of on school size on student achievement within a school district. *Education Economics*, 3, 33-42.
- Latip Muhamad. (2010). Penilaian Impak. *Kertras Kerja yang dibentangkan di Hari Professional di KPM. Putrajaya*.
- Lee, V., & Smith, J. (1997). Which works best for whom? *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 19(3), 205-227.
- Lee, V. E., & Smith, J. B. (1994). Effect of high school restructuring and size on gains in achivement and engagement for early secondary schools students. *Center on Organization and Reonstrucing of schools, Department of Education*. .
- Marzita Abu Bakar, (2010). Pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah bertaraf Pusat tanggungjawab di Malaysia. Tesis ilmiah. Universiti Malaya.
- Massy, W.F. (1990). Budget decentralization at Stanford University. *Planning for Higher Education*, 18(2), 39-55
- McGuffery, C. W., & Brown, C. L. (1978). The relationship of school size and rate of school plant utilization to cost variations of maintenance and operation. *American Educational Research Journal*, 15, 373-378.
- McKenzie, P. (1983). The distributions of school size: Some cost implications. *ERIC Clearnighouse on Rural Education and Small Schools*.
- McRobbie, J. (2001). School size considerations for safety and learning: Are small schools better? *WestEd Policy Brief*.
- Mervin, S. J. (1992). *Evaluation: 10 significant ways for measuring and improving training impact*. California: Jossey - Bass Pfeiffer.
- Monk, D., & Haller, E. (1993). Predictors of high school academic course offerings: The role of school size. *American Educational Research Journal*, 30, 3-21.
- Monk, D., Tien, L., & Haller, E. (1993). Small schools and higher-order thinking skills. *Journal of Research in Rural Education*, 9, 66-73.
- Odden, A. (1992). School finance in 1990s. *Phi Delta Kappan*, 73(3), 455-461
- Persatuan Siswazah Orang Asli (PSOA). (2001). <http://www.psoa-semenanjung.blogspot.com/>
- Raywid, M. (1997). Synthesis of research small schools: A reform that works.
- Shahril@Charil Marzuki (2005). *Mengurus dan membiayai pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Professional.
- Slate, J. R., & Jones, C. H. (2002). Effects of school size: A review of the literature with recommendations.

- Stevenson, K. R. (1996). Elementary school capacity. What size is the right size? University of Missouri, Kansas City. *CEFP Journal*, 33(4), 10-14.
- Stevenson, K. R. (2006). School size and its relationship to student outcomes and school climate : A review and analysis of eight South Carolina State-wide studies. *National Clearinghouse for Educational Facilities*.